

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN
MD. YUSOF [ALOR GAJAH]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md. Yusof [Alor Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha dan perancangan Kerajaan untuk mengurangkan bilangan gelandangan di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu menangani gelandangan, pengemisan dan miskin bandar di Malaysia memerlukan tindakan dan kerjasama pelbagai pihak, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan, tetapi juga Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Penubuhan Anjung Singgah

Anjung Singgah telah ditubuhkan sebagai pusat khidmat bantuan sosial dan intervensi bagi membantu golongan gelandangan yang produktif termasuklah dalam usaha membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan. Sehingga kini sebanyak lima (5) buah Anjung Singgah telah beroperasi di mana sehingga Disember 2021, sebanyak 8,325 gelandangan telah mendaftar masuk dan mendapatkan perkhidmatan di semua Anjung Singgah.

2. Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL)

Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) pula berperanan sebagai pusat sehenti yang menyediakan penginapan sementara kepada golongan gelandangan di bandaraya Kuala Lumpur dengan membenarkan hampir semua kategori gelandangan bermalam dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan. PTGKL telah mula beroperasi sejak 10 Februari 2016 dengan kapasiti 200 katil. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 3,588 orang gelandangan telah mendaftar di PTGKL.

3. Rumah Bimbingan Gelandangan

Rumah Bimbingan Gelandangan pula disediakan secara sewaan kepada gelandangan sebagai langkah untuk membantu gelandangan kembali produktif dan dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Sejak beroperasi pada 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2021, seramai 107 orang gelandangan yang bekerja telah menyewa di perumahan awam tersebut.

4. Aktiviti Menyelamat Orang Papa

Selain itu, aktiviti menyelamat orang papa di bawah Akta Orang-Orang Papa (AOP) 1977 [Akta 183] juga merangkumi aktiviti operasi seperti Operasi Serta Merta (Ad-Hoc), Operasi Berjadual/Berkala dan Operasi Bersepadu.

5. Pusat Penempatan Sementara Gelandangan

Hasil daripada beberapa sesi libat urus dan perbincangan yang telah dijalankan pada tahun 2020 dan 2021, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), DBKL dan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia, PERKESO, serta NGO telah berjaya melaksanakan pengisian bagi pusat penempatan sementara gelandangan. Tujuan penubuhan pusat penempatan sementara ini adalah untuk mentransformasikan golongan ini melalui pendekatan modul pembentukan disiplin diri, latihan pertanian bandar, modul kemahiran asas bagi gelandangan produktif dan berupaya bekerja dan modul penempatan kerjaya bersama PERKESO. Inisiatif Program Penempatan Pekerjaan telah memberi kesan positif kepada golongan gelandangan di mana semenjak tahun 2020, seramai 235 orang gelandangan telah ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian.

Dalam usaha untuk membuat penilaian dan semakan semula terhadap perundangan sedia ada ke arah pewujudan perundangan baharu yang lebih komprehensif bagi menangani isu gelandangan, KPWKM bakal menjalankan Kajian Semakan Akta Orang-Orang Papa 1977 pada tahun ini dan dijangka selesai pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
WAN ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang Pekerja Sosial akan dibentangkan setelah sekian lama tertangguh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha dan meneruskan inisiatif ke arah memartabatkan profesion kerja sosial. Salah satu tindakan utama yang sedang dijalankan oleh pihak Kementerian adalah penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS).

Tindakan proses penggubalan draf RUU PKS telahpun giat dijalankan bermula pada tahun 2019 dan melibatkan pengumpulan input dan pandangan daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan Profesional, Ahli Akademik dan individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan profesion kerja sosial yang dilantik melalui penubuhan satu pasukan projek khas. Draft RUU PKS kini berada di peringkat akhir penggubalan dan sedang dibuat pemurnian semula selaras kuir oleh pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap semakan draf RUU PKS yang memerlukan beberapa keputusan yang melibatkan ketetapan dasar baharu berkaitan profesion kerja sosial. Pihak Kementerian menasakutkan supaya draf RUU PKS ini dapat dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada hujung tahun ini.

Bagi memastikan bidang kerja sosial lebih diketahui dan difahami, Kementerian melalui Agensi juga giat menjalankan siri latihan bagi peningkatan kompetensi dalam praktis kerja sosial, aktiviti promosi dan advokasi berkaitan kerja sosial termasuklah penganjuran Sambutan Hari Kerja Sosial peringkat Kementerian pada 15 Mac 2022 dan lain-lain program seperti webinar dan kursus berkaitan kerja sosial. Kementerian juga telah mengenal pasti rakan strategik yang terdiri dari Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang ada menawarkan jurusan kerja sosial dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi membantu memperkenalkan bidang kerja sosial secara lebih meluas.

Selain itu, bagi memastikan profesion kerja sosial di Malaysia diiktiraf dan setanding dengan negara lain di peringkat antarabangsa, Kementerian juga turut mengambil pendekatan penyertaan aktif berkaitan kerja sosial melalui:

- i) **Pelan Strategik KPWK 2021 - 2025** – memasukkan sasaran untuk menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional sebagai salah satu langkah strategik bagi teras meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian;
- ii) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam proses merangka dokumen *Roadmap to Implement Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community***. Roadmap ini bertujuan untuk dijadikan garis panduan Negara Anggota ASEAN dalam mempromosi kerja sosial serta mempertingkatkan peranan dan kapasiti pekerja sosial dalam pelbagai bidang;
- iii) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam penyertaan *10th ASEAN Social Work Consortium (ASWC) Conference***. Pada tahun 2021, *ASWC Conference* telah diadakan pada 21-22 September 2021. Persidangan ASWC merupakan platform bagi membincangkan isu berkaitan kerja sosial dan profesion kerja sosial di negara-negara ASEAN. Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Persidangan ASWC ke-7 dan ke-8 pada tahun 2018-2019; dan
- iv) ***ASEAN Social Training Centre for Social Work and Social Welfare (ATCSW)***. Malaysia juga telah menerima mandat dan kepercayaan berkaitan latihan dalam bidang kerja sosial dari anggota negara ASEAN menerusi pelantikan dan pengiktirafan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai Ahli Lembaga Pengurus ASEAN *Social Training Centre for Social Work and Social Welfare (ATCSW)*. ATCSW merupakan pusat kecemerlangan pekerja sosial di peringkat ASEAN yang

SOALAN NO. : 14

menawarkan kursus, latihan, pertukaran kemahiran dan kolaborasi di peringkat ASEAN.

Kementerian percaya, kemuncak bagi usaha bagi meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial yang telah bermula sejak tahun 2010 ini akan dapat direalisasikan melalui satu bentuk perundangan khusus berkaitan kerja sosial.

Selaras dengan tema sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia pada tahun ini, ayuh kita "**Bersama Membina Eko-Sosial Baharu Dunia: Tiada Yang Tertinggal**".

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- a) status terkini pembentangan rancangan mengharamkan perkahwinan bawah umur bagi membendung eksploitasi kanak-kanak; dan
- b) bilakah pihak Kementerian akan mengadakan sesi perbincangan bersama Pihak Majlis Agama Islam Negeri memandangkan penetapan had umur ini adalah tertakluk pada kuasa Majlis Agama Islam Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat menghargai keprihatinan yang ditunjukkan oleh YB Permatang Pauh terhadap isu perkahwinan bawah umur. Untuk makluman, Kerajaan buat masa ini tiada perancangan untuk mengharamkan perkahwinan bawah umur. Namun, Kerajaan tetap komited untuk mengekang perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan program di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan). Ini adalah kerana punca perkahwinan bawah umur bukan sahaja perlu ditangani melalui perubahan perundangan, malahan melalui pendidikan, advokasi, kesihatan, pengukuhan institusi keluarga, serta sokongan sosioekonomi masyarakat. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan akan terus memantau pelaksanaan dan perkembangan program yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bersetuju bahawa penetapan had umur kepada 18 tahun ini adalah tertakluk pada kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan cadangan untuk mengadakan sesi perbincangan bersama pihak MAIN akan diperhalusi melalui kerjasama advokasi dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Dalam hal ini, saya menyeru semua pihak yang berkepentingan sama ada di peringkat kerajaan persekutuan mahupun negeri supaya lebih prihatin dan bersama-sama menyokong usaha kerajaan dalam menangani perkahwinan bawah umur di negara ini demi menjamin masa hadapan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) usaha mengurangkan kerenah birokrasi yang menyekat perbelanjaan OKU dan penerima bantuan dalam projek rintis JKMPay; dan
- (b) kos keseluruhan pembangunan dan penyelenggaraan sistem JKMPay dan sistem-sistem lain di bawah Kementerian serta vendor yang di senarai pendek dalam aliran proses pemilihan pembangunan JKMPay.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKJ melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- ii) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkuatkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia 2021** dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat :
- vi) **Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam** dalam menyediakan kaedah pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan dalam perkhidmatan yang di tawarkan; dan

- vii) **Menggalakkan penglibatan penerima bantuan dalam transaksi digital** agar tidak ketinggalan dalam era digital.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini. **Peserta-peserta juga telah diberikan taklimat** bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. **Sehingga Februari 2022 sejumlah 4,752 peserta dari 6 negeri dan 23 daerah** terlibat iaitu Perlis (693 peserta), Kedah (2,661 peserta/semua daerah [12 daerah]), Melaka (924 peserta/semua daerah [3 daerah]), Terengganu (255 peserta [3 daerah]), Kelantan (180 peserta [2 daerah]) dan Selangor (39 peserta [2 daerah]).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala 519,409 penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. **Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%**. Sebagai contoh, bagi seorang OKU penerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang melepasi syarat kelayakan bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, akan layak menerima bantuan EPOKU berjumlah RM450 sebulan. Sekiranya gaji penerima berjumlah RM1,300 dan ditambah EPOKU berjumlah RM450 yang dibayar 50% melalui bank atau RM225 dan 50% atau RM225 secara JKMPay, maka penerima masih mempunyai baki berjumlah RM1,525 secara tunai di bank dan masih boleh digunakan bagi

tujuan kegunaan pelbagai seperti bayaran sewa rumah, tambang pengangkutan, pembelian secara atas talian dan lain-lain.

Manakala 50% (RM225) bayaran secara tanpa tunai di Kad JKMPay ini boleh digunakan oleh penerima untuk melaksanakan pelbagai transaksi seperti berikut:

1. Membuat transaksi tanpa tunai di mana-mana kedai runcit, kedai farmasi, kedai makan yang menyertai program tanpa tunai. Semua barangan di dalam kedai berkenaan boleh dibeli seperti:
 - i) Semua jenis keperluan bahan makan dan minuman seperti beras, gula, sayuran, minyak, ikan, ayam, sardin dan lain-lain;
 - ii) Barang keperluan kegunaan harian seperti lampin bayi, tuala wanita, bahan pencuci dan lain-lain; dan
 - iii) Keperluan ubat-ubatan dan alatan berkaitan ubatan.
2. Melaksanakan transaksi bagi pembayaran semua bil dan utiliti berkaitan;
3. Membuat pembelian tambah nilai (*top-up*) perkhidmatan telefon; dan
4. Hanya transaksi bagi pembelian rokok dan minuman beralkohol adalah dilarang bagi mengelakkan pengambilan barang yang tidak sihat menggunakan JKMPay.

Malahan baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, dan akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my**, pelbagai menu aplikasi secara atas talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki, membayar bil dan utiliti, membeli *top-up* tanpa perlu keluar ke kedai dan melihat senarai kedai berdekatan yang boleh diakses pandu arah melalui Maps. Kementerian amat sedar mengenai keperluan asas penerima khususnya golongan OKU untuk menggunakan duit bantuan yang diperolehi setiap bulan. JKMPay tidak bertujuan untuk menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga **Februari 2022**, terdapat sejumlah **397 kedai aktif** dalam projek ini manakala **250 kedai (baharu) lain** telah memohon dan berminat untuk terlibat dalam projek ini. Kementerian sedang berusaha memperbanyakkan kedai-kedai untuk memberi kemudahan kepada penerima bantuan. **Malahan penerima bantuan juga boleh mencadangkan kedai/premis bersesuaian bagi mengikuti program ini.** Cadangan ini boleh disalurkan oleh peserta melalui 4 kaedah iaitu Telegram *group* peserta, Call-Centre 1-300-88-7977, aplikasi telefon Me12Pay dan juga melalui e-mel info@me12pay.com.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mendapati bahawa melalui projek JKMPay ini, telah digunakan oleh penerima bantuan dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sehingga **Februari 2022**, sebanyak **RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil & utiliti, *top-up* dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan.** Ini menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Projek ini bukan sahaja membantu penerima bantuan malahan ia dapat mewujudkan prasarana ekonomi yang baik di kalangan pekedai runcit dan kedai-kedai kecil di seluruh negara. Antara manfaat yang diperolehi adalah :

- 1) Membantu penerima bantuan mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah;
- 2) Menjamin peruntukan perbelanjaan keperluan makan minum dan keperluan asas penerima bantuan dan ahli isi rumah tersedia pada setiap bulan;

- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan.;
- 5) Baki bantuan tidak lupus dan boleh dibawa ke bulan seterusnya; dan
- 6) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) **Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022** di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;
- 2) **Mempelbagaikan platform pembayaran digital** (pembelian secara *online*, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) **Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis** dan dipaparkan di laman *web*, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) **Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.**

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dinyatakan dibentangkan. Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rasional mengubah sistem pembayaran bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari sepenuhnya tunai ke sistem JKMPay, dan apakah perancangan untuk menambah baik sistem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKJ melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- ii) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkuatkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia 2021** dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat :
- vi) **Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam** dalam menyediakan kaedah pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan dalam perkhidmatan yang di tawarkan; dan

- vii) **Menggalakkan penglibatan penerima bantuan dalam transaksi digital** agar tidak ketinggalan dalam era digital.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini. **Peserta-peserta juga telah diberikan taklimat** bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. **Sehingga Februari 2022 sejumlah 4,752 peserta dari 6 negeri dan 23 daerah** terlibat iaitu Perlis (693 peserta), Kedah (2,661 peserta/semua daerah [12 daerah]), Melaka (924 peserta/semua daerah [3 daerah]), Terengganu (255 peserta [3 daerah]), Kelantan (180 peserta [2 daerah]) dan Selangor (39 peserta [2 daerah]).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala 519,409 penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. **Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%**. Sebagai contoh, bagi seorang OKU penerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang melepasi syarat kelayakan bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, akan layak menerima bantuan EPOKU berjumlah RM450 sebulan. Sekiranya gaji penerima berjumlah RM1,300 dan ditambah EPOKU berjumlah RM450 yang dibayar 50% melalui bank atau RM225 dan 50% atau RM225 secara JKMPay, maka penerima masih mempunyai baki berjumlah RM1,525 secara tunai di bank dan masih boleh digunakan bagi

tujuan kegunaan pelbagai seperti bayaran sewa rumah, tambang pengangkutan, pembelian secara atas talian dan lain-lain.

Manakala 50% (RM225) bayaran secara tanpa tunai di Kad JKMPay ini boleh digunakan oleh penerima untuk melaksanakan pelbagai transaksi seperti berikut:

1. Membuat transaksi tanpa tunai di mana-mana kedai runcit, kedai farmasi, kedai makan yang menyertai program tanpa tunai. Semua barangan di dalam kedai berkenaan boleh dibeli seperti:
 - i) Semua jenis keperluan bahan makan dan minuman seperti beras, gula, sayuran, minyak, ikan, ayam, sardin dan lain-lain;
 - ii) Barang keperluan kegunaan harian seperti lampin bayi, tuala wanita, bahan pencuci dan lain-lain; dan
 - iii) Keperluan ubat-ubatan dan alatan berkaitan ubatan.
2. Melaksanakan transaksi bagi pembayaran semua bil dan utiliti berkaitan;
3. Membuat pembelian tambah nilai (*top-up*) perkhidmatan telefon; dan
4. Hanya transaksi bagi pembelian rokok dan minuman beralkohol adalah dilarang bagi mengelakkan pengambilan barang yang tidak sihat menggunakan JKMPay.

Malahan baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, dan akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my**, pelbagai menu aplikasi secara atas talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki, membayar bil dan utiliti, membeli *top-up* tanpa perlu keluar ke kedai dan melihat senarai kedai berdekatan yang boleh diakses pandu arah melalui Maps. Kementerian amat sedar mengenai keperluan asas penerima khususnya golongan OKU untuk menggunakan duit bantuan yang diperolehi setiap bulan. JKMPay tidak bertujuan untuk menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga **Februari 2022**, terdapat sejumlah **397 kedai aktif** dalam projek ini manakala **250 kedai (baharu) lain** telah memohon dan berminat untuk terlibat dalam projek ini. Kementerian sedang berusaha memperbanyakkan kedai-kedai untuk memberi kemudahan kepada penerima bantuan. **Malahan penerima bantuan juga boleh mencadangkan kedai/premis bersesuaian bagi mengikuti program ini.** Cadangan ini boleh disalurkan oleh peserta melalui 4 kaedah iaitu Telegram *group* peserta, Call-Centre 1-300-88-7977, aplikasi telefon Me12Pay dan juga melalui e-mel info@me12pay.com.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mendapati bahawa melalui projek JKMPay ini, telah digunakan oleh penerima bantuan dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sehingga **Februari 2022**, sebanyak **RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil & utiliti, *top-up* dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan.** Ini menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Projek ini bukan sahaja membantu penerima bantuan malahan ia dapat mewujudkan prasarana ekonomi yang baik di kalangan pekedai runcit dan kedai-kedai kecil di seluruh negara. Antara manfaat yang diperolehi adalah :

- 1) Membantu penerima bantuan mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah;
- 2) Menjamin peruntukan perbelanjaan keperluan makan minum dan keperluan asas penerima bantuan dan ahli isi rumah tersedia pada setiap bulan;

- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan.;
- 5) Baki bantuan tidak lupus dan boleh dibawa ke bulan seterusnya; dan
- 6) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) **Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022** di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;
- 2) **Mempelbagaikan platform pembayaran digital** (pembelian secara *online*, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) **Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis** dan dipaparkan di laman *web*, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) **Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.**

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dinyatakan dibentangkan. Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menerangkan mengapa 50% elaun bulanan OKU (EPOKU) dimasukkan secara paksa ke dalam kad nilai tunai JKMPay yang menyekat kebebasan kerana hanya boleh digunakan untuk membeli keperluan asas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKJ melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- ii) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkuatkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia 2021** dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat :
- vi) **Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam** dalam menyediakan kaedah pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan dalam perkhidmatan yang di tawarkan; dan

- vii) **Menggalakkan penglibatan penerima bantuan dalam transaksi digital** agar tidak ketinggalan dalam era digital.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini. **Peserta-peserta juga telah diberikan taklimat** bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. **Sehingga Februari 2022 sejumlah 4,752 peserta dari 6 negeri dan 23 daerah** terlibat iaitu Perlis (693 peserta), Kedah (2,661 peserta/semua daerah [12 daerah]), Melaka (924 peserta/semua daerah [3 daerah]), Terengganu (255 peserta [3 daerah]), Kelantan (180 peserta [2 daerah]) dan Selangor (39 peserta [2 daerah]).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala 519,409 penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. **Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%**. Sebagai contoh, bagi seorang OKU penerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang melepasi syarat kelayakan bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, akan layak menerima bantuan EPOKU berjumlah RM450 sebulan. Sekiranya gaji penerima berjumlah RM1,300 dan ditambah EPOKU berjumlah RM450 yang dibayar 50% melalui bank atau RM225 dan 50% atau RM225 secara JKMPay, maka penerima masih mempunyai baki berjumlah RM1,525 secara tunai di bank dan masih boleh digunakan bagi

tujuan kegunaan pelbagai seperti bayaran sewa rumah, tambang pengangkutan, pembelian secara atas talian dan lain-lain.

Manakala 50% (RM225) bayaran secara tanpa tunai di Kad JKMPay ini boleh digunakan oleh penerima untuk melaksanakan pelbagai transaksi seperti berikut:

1. Membuat transaksi tanpa tunai di mana-mana kedai runcit, kedai farmasi, kedai makan yang menyertai program tanpa tunai. Semua barangan di dalam kedai berkenaan boleh dibeli seperti:
 - i) Semua jenis keperluan bahan makan dan minuman seperti beras, gula, sayuran, minyak, ikan, ayam, sardin dan lain-lain;
 - ii) Barang keperluan kegunaan harian seperti lampin bayi, tuala wanita, bahan pencuci dan lain-lain; dan
 - iii) Keperluan ubat-ubatan dan alatan berkaitan ubatan.
2. Melaksanakan transaksi bagi pembayaran semua bil dan utiliti berkaitan;
3. Membuat pembelian tambah nilai (*top-up*) perkhidmatan telefon; dan
4. Hanya transaksi bagi pembelian rokok dan minuman beralkohol adalah dilarang bagi mengelakkan pengambilan barang yang tidak sihat menggunakan JKMPay.

Malahan baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, dan akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my**, pelbagai menu aplikasi secara atas talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki, membayar bil dan utiliti, membeli *top-up* tanpa perlu keluar ke kedai dan melihat senarai kedai berdekatan yang boleh diakses pandu arah melalui Maps. Kementerian amat sedar mengenai keperluan asas penerima khususnya golongan OKU untuk menggunakan duit bantuan yang diperolehi setiap bulan. JKMPay tidak bertujuan untuk menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga **Februari 2022**, terdapat sejumlah **397 kedai aktif** dalam projek ini manakala **250 kedai (baharu) lain** telah memohon dan berminat untuk terlibat dalam projek ini. Kementerian sedang berusaha memperbanyakkan kedai-kedai untuk memberi kemudahan kepada penerima bantuan. **Malahan penerima bantuan juga boleh mencadangkan kedai/premis bersesuaian bagi mengikuti program ini.** Cadangan ini boleh disalurkan oleh peserta melalui 4 kaedah iaitu Telegram *group* peserta, Call-Centre 1-300-88-7977, aplikasi telefon Me12Pay dan juga melalui e-mel info@me12pay.com.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mendapati bahawa melalui projek JKMPay ini, telah digunakan oleh penerima bantuan dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sehingga **Februari 2022**, sebanyak **RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil & utiliti, *top-up* dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan.** Ini menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Projek ini bukan sahaja membantu penerima bantuan malahan ia dapat mewujudkan prasarana ekonomi yang baik di kalangan pekedai runcit dan kedai-kedai kecil di seluruh negara. Antara manfaat yang diperolehi adalah :

- 1) Membantu penerima bantuan mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah;
- 2) Menjamin peruntukan perbelanjaan keperluan makan minum dan keperluan asas penerima bantuan dan ahli isi rumah tersedia pada setiap bulan;

- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan.;
- 5) Baki bantuan tidak lupus dan boleh dibawa ke bulan seterusnya; dan
- 6) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) **Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022** di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;
- 2) **Mempelbagaikan platform pembayaran digital** (pembelian secara *online*, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) **Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis** dan dipaparkan di laman *web*, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) **Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.**

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dinyatakan dibentangkan. Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT PERDANA MENTERI** menyatakan Pada 30 Ogos 2020 bahawa bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) dinaikkan kepada RM1,000 sebulan. Nyatakan status terkini mengenai pengumuman oleh Mantan Perdana Menteri dan pendirian YAB Perdana Menteri sekarang berhubung bantuan RM1,000 kepada OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah pun melaksanakan kenaikan kadar bantuan kewangan persekutuan mulai **bulan Januari 2021 ke atas 5 skim bantuan persekutuan yang memberi manfaat kepada 407,804 penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM 2.09 bilion.**

Kenaikan kadar bantuan ini bukan sahaja untuk golongan OKU tetapi terdapat lima (5) skim bantuan kewangan persekutuan yang telah dinaikkan seperti berikut:

- 1) Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (**BTB**) **dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang.** Sejumlah 85,468 klien dengan kos RM292.1 juta mendapat manfaat pada 2021;
- 2) Kadar Bantuan Warga Emas (**BWE**) **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang.** 138,446 warga emas mendapat manfaat dengan kos RM831.5 juta sepanjang tahun 2021;
- 3) Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (**BPT**) **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang.** Sejumlah 25,800 penerima dengan kos RM161.2 juta mendapat manfaat bagi tahun 2021;
- 4) Kadar bantuan Elaun Pekerja OKU (**EPOKU**) **dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 sebulan seorang.** Penerima EPOKU bagi tahun 2021 berjumlah 93,236 dengan kos RM493.9 juta; dan
- 5) Kadar Bantuan Kanak-Kanak (**BKK**) **untuk keluarga miskin dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dan RM200 seorang anak berumur bawah 7 tahun dengan maksimum**

RM1,000 sekeluarga. Sejumlah 64,854 keluarga menerima bantuan ini dengan kos RM312.7 juta bagi tempoh 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kenaikan kadar bantuan tersebut, JKM juga telah **melaksanakan kenaikan syarat kelayakan bagi skim bantuan Elaun Pekerja OKU (EPOKU)** iaitu daripada syarat kelayakan pendapatan **di bawah RM1,200 sebulan kepada kelayakan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan** mulai tahun 2021.

Manakala bagi tahun 2022, syarat kelayakan permohonan skim bantuan-bantuan lain juga telah dinaikkan mulai Januari 2022 iaitu daripada kelayakan di bawah **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM980 sebulan dinaikkan kepada PGK RM1,169 sebulan atau bersamaan dengan Per Kapita RM310 sebulan.** Melalui kenaikan ini, diunjurkan lebih ramai Ketua Isi Rumah (KIR) di bawah miskin tegar akan dapat dibantu. **JKM mengunjurkan lebih 5% kenaikan kes berbanding tahun 2021** akan berlaku dengan **implikasi kewangan dijangka akan bertambah lebih RM200** juta bagi tahun 2022.

Sekian, terima kasih.